

Mendapatkan pinjaman perumahan tidak pernah semudah ini. Model pendanaan kami yang unik telah menggalakkan industri pinjaman perumahan dengan bilangan tertinggi bagi keluarga yang memiliki rumah pada hari ini. Ini adalah disebabkan oleh ketersediaan pelbagai pilihan pinjaman perumahan pada kos yang lebih bersaing.



Penyata Pengerusi



Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Ketujuh Belas dan Penyata Kewangan Cagamas Berhad, Perbadanan Cagaran Malaysia, untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

Tahun 2003 merupakan tahun yang agak sukar dan mencabar buat Syarikat ini. Berlatar belakangkan lebih mudah tunai yang berterusan di dalam sistem perbankan dan persekitaran kadar faedah yang stabil, institusi kewangan secara amnya keberatan untuk menjual pinjaman dan hutang mereka kepada Cagamas. Walau bagaimanapun, dengan perubahan besar di dalam kadar hasil bon semenjak bulan Julai 2003, institusi kewangan mula melindung nilai kedudukan mereka dengan lebih giat. Oleh itu, sebanyak RM7,797 juta atau 70.2% daripada jumlah pembelian Syarikat ini pada tahun 2003 telah dikumpulkan pada sepanjang bulan Julai hingga Disember 2003.

Cagamas memastikan bahawa kadar pembelian yang ditetapkan oleh Syarikat ini mencerminkan keadaan pasaran. Oleh itu, Syarikat ini terpaksa bertindak dengan lebih pantas untuk sentiasa mengemas kini kadar pembeliannya agar selaras dengan perubahan besar di dalam kadar hasil bon terutamanya pada setengah tahun kedua.

Walaupun terdapat kemudahubahan yang lebih besar dalam pasaran bon, kadar pembelian disebut Cagamas yang sah bagi urus niaga pada sebarang jumlah mengikut dasar sedia, sesuai dengan peranannya sebagai penggerak pasaran. Bagi melaksanakan peranan ini dengan berkesan, Syarikat ini terpaksa melihat di sebalik keadaan turun naik jangka pendek dan menaksir dasar atas keadaan permintaan dan penawaran. Ianya juga terpaksa mengambil risiko terhitung dalam menentukan kadar pembelian dan ini merupakan ciri sesebuah penggerak pasaran. Sebagai sebahagian daripada usaha-usahanya untuk meredakan kemudahubahan dalam pasaran bon, Syarikat ini melaksanakan suatu strategi menerbitkan sekuriti hutang secara berperingkat-peringkat bagi membiayai pembeliannya.

KEMUNCAK PENTING

Syarikat ini telah mencatat satu lagi peristiwa penting pada tahun 2003 dengan pembelian pinjaman dan hutang sebanyak RM11,112 juta. Ini merupakan jumlah pembelian tertinggi pada sesuatu tahun semenjak Syarikat ini ditubuhkan. Pada 31 Disember 2003, Cagamas telah membeli 15.8% daripada

pinjaman perumahan dan 19.3% daripada hutang sewa beli dan pemajakan belum lunas di dalam sistem perbankan. Ini menunjukkan bahawa terdapat peluang yang besar bagi Cagamas untuk berkembang lebih jauh. Di dalam proses tersebut, Cagamas bukan hanya membantu pemberi pinjaman primer dengan kaedah kecairan dan lindung nilai, malah memperdalam serta memperluaskan lagi pasaran sekuriti hutang swasta yang sedia ada.

Di samping itu, Cagamas terus menjadi pemain penting dalam pasaran sekuriti hutang swasta. Pada 31 Disember 2003, bon Cagamas belum tebus berjumlah RM25,628 juta mewakili 15.6% daripada pasaran sekuriti hutang swasta dan 7.6% daripada jumlah bon dalam pasaran modal.

Pada tahun 2003, bon dan nota yang diterbitkan oleh Cagamas terus diberi penarafan tertinggi iaitu AAA dan P1 oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan AAA dan MARC-1 oleh Malaysian Rating Corporation Berhad. Penarafan tersebut mencerminkan pematuhan pihak pengurusan kepada garis panduan berhemat yang mentadbir operasi pembelian pinjaman dan pelaburan, serta aset Cagamas yang bermutu tinggi.

PRESTASI KEWANGAN

Jumlah perniagaan tertinggi yang dicatatkan pada sepanjang tahun di dalam tinjauan membolehkan Syarikat ini mencapai tahap untung sebelum cukai yang tinggi sebanyak RM193 juta. Walaupun jumlah pembelian pinjaman dan hutang adalah lebih besar pada tahun ini, untung sebelum cukai untuk tahun 2003 adalah lebih rendah berbanding dengan RM208 juta pada tahun 2002. Ini adalah disebabkan oleh dasar penentuan harga yang lebih baik yang diamalkan oleh Syarikat ini serta tamatnya tempoh pinjaman dan hutang berkadar hasil tinggi.

Sehubungan dengan itu, pulangan selepas cukai sesyer menyusut daripada 100 sen pada tahun 2002 kepada 92 sen pada tahun 2003. Ini memberikan pulangan selepas cukai sebanyak 12% ke atas purata dana pemegang syer, berbanding dengan 13.6% pada tahun sebelumnya. Pada tahun ini, dana

pemegang syer Syarikat ini telah menyusut sebanyak 2.4% daripada RM1,164 juta pada tahun 2002 kepada RM1,136 juta pada tahun 2003. Ini adalah disebabkan oleh pembayaran dividen khas sebanyak 93 sen sesyer (dikecualikan cukai) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002. Aset ketara bersih sesyer menyusut sedikit daripada RM7.76 pada akhir 2002 kepada RM7.57 pada akhir 2003.

Jumlah pembelian yang lebih besar pada tahun 2003 mengatasi pembayaran balik dan pembelian balik pinjaman dan hutang oleh pemberi pinjaman primer. Ini menyebabkan jumlah aset Syarikat ini meningkat sebanyak 5.6% daripada RM26,383 juta pada akhir 2002 kepada RM27,853 juta pada akhir 2003. Sebagai mencerminkan sifat perniagaan Syarikat ini, jumlah pinjaman dan hutang belum lunas sebanyak RM27,339 juta pada akhir 2003 mewakili 98.2% daripada jumlah aset Syarikat ini manakala sekuriti hutang belum tebus berjumlah RM26,433 juta pula mewakili 98.9% daripada liabiliti Syarikat ini.

DIVIDEN

Untuk setengah tahun berakhir 30 Jun 2003, Lembaga Pengarah mengisyiharkan pembayaran dividen interim sebanyak 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan). Walaupun kedudukan kewangan Syarikat ini adalah memberangsangkan, Lembaga Pengarah telah mencadangkan pembayaran sebanyak 5 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan). Ini setelah mengambil kira keperluan Syarikat ini untuk memelihara modal bagi memudahkan penjanaan jumlah perniagaan yang lebih tinggi, dan penglibatan Syarikat ini dalam pensekuritian pinjaman perumahan dan kelas aset yang lain pada tahun 2004. Jumlah dividen untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 adalah sebanyak 15 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan).

INISIATIF DALAM TAHUN 2003

Menyedari tentang pentingnya keperluan untuk terus menyemak dan melaksanakan proses yang lebih berkesan dan cekap bagi mempertingkatkan pengeluaran, Syarikat ini berusaha sedaya upaya

untuk menggunakan pengaruh teknologi bagi menyokong operasi dan strategi perniagaannya. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan Pelan Induk Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Syarikat ini terus menunjukkan perkembangan yang menggalakkan. Sistem Pengurusan Perbendaharaan dan Pemprosesan Pinjaman dijangka akan beroperasi dengan sepenuhnya pada bulan Mei 2004. Dengan adanya sistem-sistem tersebut, Syarikat ini akan berada pada kedudukan yang baik untuk memenuhi permintaan yang lebih mencabar daripada para pelanggannya. Pada tahun 2004, Syarikat ini akan menyemak Pelan Induk ICT dan memulakan rancangan-rancangan lain yang akan menyokong keseluruhan strategi perniagaannya.

Sebagai lanjutan daripada rancangan Syarikat ini untuk mewujudkan pendekatan menyeluruh dalam pengurusan risiko dan setelah mengenal pasti risiko pasaran sebagai risiko utama yang dihadapi oleh Syarikat ini, Lembaga Pengarah telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengawasi pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi Syarikat ini. Pada bulan Ogos 2003, Lembaga Pengarah telah meluluskan Dasar Risiko Pasaran yang menyatakan, antara lainnya, takrif dan jenis risiko pasaran, strategi dan dasar dalam menguruskan risiko pasaran, serta peranan dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan risiko pasaran.

Pembangunan pasaran modal Islam dan jumlah pembiayaan secara Islam merupakan suatu fenomena. Pada akhir 2003, sekuriti hutang secara Islam berjumlah RM84,195 juta manakala pembiayaan secara Islam adalah sebanyak RM49,408 juta. Walaupun 55.4% (RM27,369 juta) daripada jumlah pembiayaan secara Islam terdiri daripada hutang pembiayaan perumahan secara Islam dan hutang sewa beli secara Islam, jumlah hutang secara Islam di dalam pegangan Syarikat ini hanyalah sebanyak RM908 juta. Secara umum institusi Islam tidak berminat untuk menjual hutang secara Islam mereka kepada Cagamas disebabkan oleh perbezaan kadar hasil di antara bon konvensional Cagamas dan Sanadat Mudharabah Cagamas (SMC) yang digunakan untuk membiayai

pembelian hutang secara Islam. Ini terutamanya disebabkan oleh kekurangan mudah tunai dan ketakpastian pulangan SMC. Oleh itu, Syarikat ini sedang di dalam proses untuk merumuskan suatu kaedah pendanaan secara Islam yang baru yang boleh diterima oleh para pelabur.

Dalam usahanya untuk membangunkan pasaran bon berkadar tetap dalam negeri, Syarikat ini telah memperkenalkan suatu kaedah penggunaan swap kadar faedah (IRS) sebagai alat pelindung nilai semenjak tahun 2000. Syarikat ini telah menggunakan IRS untuk membantu rancangan pembelian pinjaman perumahan dengan rekursa berdasarkan kadar terapung dan penerbitan bon berkadar tetap. Berikut keadaan pasaran bon mudah ubah, terutamanya pada separuh kedua tahun 2003, Syarikat ini terpaksa menerbitkan sekuriti hutang secara berperingkat-peringkat bagi membiayai pembeliannya. Ini adalah kerana penerbitan besar sekuriti hutang pada sesuatu masa mungkin akan mengganggu pasaran bon. Memandangkan strategi ini meningkatkan risiko saluran, Syarikat ini telah memasuki swap kadar faedah untuk melindung nilai terbitan sekuriti hutang buat pertama kalinya pada bulan Disember 2003.

PROSPEK

Perjalanan Cagamas akan menjadi lebih mencabar pada masa akan datang. Cagamas akan menghadapi ujian-ujian baru daripada perubahan struktur yang sedang berlaku dalam ekonomi, sektor kewangan dan pasaran modal. Liberalisasi pasaran kewangan dan modal serta meningkatnya kecanggihan di kalangan penerbit sekuriti dan pelabur memerlukan pendekatan yang inovatif terhadap pensekuritian. Tambahan pula, penerbitan Garis Panduan Sekuriti Bersandarkan Aset (ABS) oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Piawaian Berhemat untuk Urus Niaga Pensekuritian Bersandarkan Aset oleh Bank Negara Malaysia telah menimbulkan lebih banyak minat di kalangan institusi kewangan untuk melaksanakan pensekuritian.

Untuk menghadapi cabaran-cabaran ini dan terus berada di hadapan dalam persaingan, Syarikat ini

akan bertukar menjadi sebuah organisasi yang berlainan dengan profil perniagaan dan risiko yang begitu berbeza. Ini memerlukan kecekapan dan kemahiran baru untuk menghasilkan produk baru yang lebih rumit dan harga yang berdaya saing, dan menguruskan profil risiko yang lebih tinggi di dalam kunci kira-kira Syarikat ini.

Pada masa ini, Syarikat ini sedang giat mengejar beberapa urus janji pensekuritian. Selain pembelian aset dengan rekursa, Syarikat ini bercadang untuk mensekuritikan pinjaman perumahan dan kelas aset yang lain bagi memenuhi permintaan pasaran yang semakin berubah. ABS yang bakal diterbitkan dijangka akan menarik perhatian para pelabur yang mencari instrumen yang berkadar hasil lebih baik dan mempunyai mutu kredit yang lebih tinggi.

Semasa mempertimbangkan usaha niaga atau produk baru, Syarikat ini akan menimbang risiko serta pulangannya bagi memastikan pulangan yang setara dengan risiko yang diambil. Dengan bertambahnya kerumitan urus niaga pensekuritian aset, adalah perlu bagi Syarikat ini untuk menguruskan risiko dengan lebih baik. Untuk memastikan Cagamas tidak terdedah kepada risiko berlebihan, Syarikat ini perlu menyediakan penaksiran nilai dan langkah-langkah pengurusan risiko. Memandangkan Cagamas akan melibatkan diri dalam pensekuritian yang melibatkan risiko kredit yang lebih besar, Syarikat ini akan mendapatkan khidmat seorang perunding untuk menyediakan sebuah rangka kerja pengurusan risiko untuk membantu Syarikat ini dalam menguruskan risiko yang berkaitan dengan pensekuritian aset.


Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan percaya bahawa pelaburan dalam modal manusia akan mewujudkan suatu tenaga kerja yang berpengetahuan luas, mahir dan cekap. Ini akan membawa manfaat jangka panjang yang besar kepada kakitangan dan juga Syarikat ini. Memandangkan Cagamas melibatkan diri dalam bidang pensekuritian yang baru, Syarikat ini akan memperhebatkan lagi latihan kakitangan dan pemerolehan pengetahuan baru bagi memastikan kakitangannya memiliki kemahiran yang diperlukan

untuk mengendalikan perniagaan yang baru dan lebih rumit.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada para pelanggan dan para pemegang syer di atas sokongan berterusan mereka. Lembaga Pengarah juga ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak berkuasa, terutamanya Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di atas sokongan dan bantuan yang berterusan dan berharga yang mereka berikan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Dato' Albert Yeoh Beow Tit dan Encik Zarir Jal Cama yang menyertai Lembaga Pengarah pada bulan September 2003, dan Encik Shayne Keith Nelson yang menyertai Lembaga Pengarah pada bulan Oktober 2003. Saya juga ingin merakamkan penghargaan Lembaga Pengarah di atas sumbangan Encik Michael Andrew Hague yang telah bersara daripada Lembaga Pengarah pada bulan Februari 2004.



Dato' Ooi Sang Kuang
Pengerusi

Operasi

AKTIVITI PEMBELIAN

Syarikat ini telah mencatat satu lagi kejayaan yang membanggakan pada tahun 2003 dengan pembelian pinjaman perumahan dan hutang sewa beli dan pemajakan (secara ringkasnya dikenali sebagai pinjaman dan hutang) sebanyak RM11,112 juta pada tahun 2003 berbanding dengan RM10,992 juta pada tahun 2002. Ini merupakan tahap pembelian tertinggi yang dicapai semenjak Cagamas ditubuhkan. Memandangkan 95% daripada keuntungan Cagamas diperolehi daripada pegangan portfolio pinjaman dan hutang tertahan, Syarikat ini mesti terus mempertingkatkan pembelian pinjaman dan hutang bagi menjana pendapatan.

Sepanjang separuh pertama tahun 2003, pembelian pinjaman dan hutang hanya berjumlah RM3,315 juta walaupun terdapat penurunan kadar Cagamas kepada tahap yang paling rendah pernah dicatatkan pada bulan Jun 2003. Ini adalah disebabkan oleh lebihan mudah tunai yang berterusan di dalam sistem perbankan dan keadaan kadar faedah yang stabil. Walau bagaimanapun, pada separuh kedua tahun 2003, peningkatan kadar hasil bon ekoran dari prospek ekonomi yang positif telah mendorong institusi kewangan untuk melindung nilai portfolio mereka dengan lebih giat. Oleh itu, pembelian pinjaman dan hutang pada separuh kedua tahun 2003 adalah sebanyak RM7,797 juta iaitu 70.2% daripada jumlah pembelian pada tahun 2003. Pada sepanjang tahun di dalam tinjauan, pembelian pada bulan September sebanyak RM2,030 juta merupakan jumlah tertinggi yang pernah dibeli oleh Cagamas pada sesuatu bulan.

Seperti dua tahun sebelumnya, institusi kewangan terus menjual pinjaman mereka untuk tempoh yang lebih panjang. Sebanyak RM6,980 juta atau 62.8% daripada jumlah pembelian adalah diikat untuk

tempoh empat hingga 10 tahun. Untuk separuh pertama tahun 2003, institusi kewangan telah mengambil peluang terhadap kadar Cagamas yang rendah dan menjual 78.7% daripada jumlah pinjaman dan hutang yang dibeli untuk tempoh empat hingga 10 tahun. Untuk separuh kedua tahun 2003 pula, institusi kewangan telah menjual 56.1% daripada pinjaman dan hutang yang dibeli untuk tempoh empat hingga 10 tahun ekoran dari peningkatan kadar hasil bon.

Jumlah hutang pembiayaan rumah secara Islam di dalam industri telah meningkat sebanyak 33.3% daripada RM10,763 juta pada akhir Disember 2002 kepada RM14,344 juta pada akhir Disember 2003. Walaupun terdapat peningkatan yang menggalakkan di dalam industri bagi pembiayaan secara Islam, Syarikat ini hanya membeli sebanyak RM320 juta hutang secara Islam yang terdiri daripada RM200 juta hutang sewa beli secara Islam daripada sebuah syarikat kewangan dan pembelian pertama RM120 juta hutang pembiayaan rumah kakitangan secara Islam daripada sebuah perbadanan. Institusi Islam enggan menjual hutang secara Islam mereka kepada Cagamas disebabkan oleh perbezaan kadar hasil di antara bon konvensional Cagamas dan Sanadat Mudharabah Cagamas (SMC) yang digunakan untuk membiayai pembelian hutang secara Islam. Disebabkan oleh keadaan pasaran bon mudah ubah terutamanya pada separuh kedua tahun 2003 dan ketakpastian pulangan SMC, para pelabur telah menentukan harga SMC kira-kira 15 hingga 200 mata atas lebih tinggi daripada bon konvensional yang sama tempoh matangnya. Memandangkan sambutan yang kurang menggalakkan terhadap kemudahan secara Islam Cagamas, Syarikat ini telah mengendalikan dua buah bengkel yang dihadiri oleh para peserta pasaran Islam untuk mendapatkan maklum balas tentang langkah-langkah bagi mengurangkan perbezaan kadar hasil di antara bon konvensional

Cagamas dengan SMC. Walaupun usaha-usaha telah dijalankan untuk memperbaik SMC, para pelabur masih kurang berminat dengan produk tersebut memandangkan kepada ketakpastian pulangannya. Oleh itu, Syarikat ini sedang di dalam proses untuk merumuskan satu kaedah pendanaan baru bagi pembelian hutang secara Islam supaya instrumen yang bakal ditawarkan kepada pasaran dapat memberi kadar hasil yang sekurang-kurangnya sama seperti bon konvensional Cagamas.

Portfolio Cagamas daripada institusi bukan kewangan telah meningkat semenjak Syarikat ini memperkenalkan pengaturan sandar-menyandar bagi pembelian pinjaman perumahan dan hutang sewa beli dan pemajakan, masing-masing pada

tahun 1992 dan 2000. Pada tahun 2003, Syarikat ini telah membeli sebanyak RM213 juta pinjaman dan hutang daripada dua buah syarikat kredit perumahan dan sebuah pengedar kereta (masing-masing RM95 juta pinjaman perumahan dan RM118 juta hutang sewa beli dan pemajakan) di bawah pengaturan sandar-menyandar tersebut. Pengaturan sandar-menyandar berkenaan membolehkan para penjual yang tidak dibenarkan menjual secara terus kepada Cagamas mendapatkan dana pada kos yang rendah daripada Cagamas melalui institusi kewangan pengantara. Sebagai ganjaran, institusi kewangan pengantara tersebut akan menerima fi perkhidmatan dan fi rekursa bagi peranannya. Sebelum ini, hanya bank-bank saudagar yang berminat untuk memainkan peranan sebagai institusi kewangan pengantara

JADUAL 1 **Pembelian Pinjaman dan Hutang**

| | 2003 RM juta | 2003 % | 2002 RM juta | 2002 % |
|----------------------------------|-----------------|-------------|-----------------|-------------|
| Jenis Pinjaman | | | | |
| • Pinjaman Perumahan | 7,036 | 63.3 | 4,085 | 37.2 |
| – Konvensional-Utama | 983 | 8.8 | 1,645 | 15.0 |
| – Konvensional-Biasa | 5,933 | 53.4 | 2,330 | 21.2 |
| – Secara Islam | 120 | 1.1 | 110 | 1.0 |
| • Hutang Sewa Beli dan Pemajakan | 4,076 | 36.7 | 6,907 | 62.8 |
| – Konvensional | 3,876 | 34.9 | 6,407 | 58.3 |
| – Secara Islam | 200 | 1.8 | 500 | 4.5 |
| • Pinjaman Harta Perindustrian | — | — | — | — |
| Jumlah | 11,112 | 100 | 10,992 | 100 |
| Penjual | | | | |
| • Bank Perdagangan | 6,738 | 60.6 | 2,839 | 25.9 |
| • Syarikat Kewangan | 4,159 | 37.4 | 7,853 | 71.4 |
| • Bank Saudagar | 95 | 0.9 | 65 | 0.6 |
| • Kerajaan | — | — | — | — |
| • Perbadanan | 120 | 1.1 | 235 | 2.1 |
| Jumlah | 11,112 | 100 | 10,992 | 100 |
| Jenis Opsyen | | | | |
| • Pada Kadar Tetap | 10,962 | 98.7 | 10,792 | 98.2 |
| • Pada Kadar Terapung | 150 | 1.3 | 100 | 0.9 |
| • Pada Kadar Boleh Tukar | — | — | 100 | 0.9 |
| Jumlah | 11,112 | 100 | 10,992 | 100 |

disebabkan oleh pengalaman mereka sebagai pengatur. Walau bagaimanapun, untuk pertama kalinya pada tahun 2003, dua buah bank perdagangan telah memainkan peranan sebagai pengantara di bawah pengaturan sandar-menyandar. Dengan berbuat demikian, bank-bank perdagangan tersebut telah menggunakan suatu cara untuk meningkatkan lagi pendapatan berasaskan fi mereka.

Analisis ke atas Jadual 1 menunjukkan bahawa:

- (a) Terdapat perubahan yang nyata dalam jenis pembelian pada tahun 2003 berbanding dengan 2002.
- (b) Pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas meningkat sebanyak 72.2% daripada RM4,085 juta pada tahun 2002 kepada RM7,036 juta pada tahun 2003. Oleh itu, jumlah pembelian pinjaman perumahan mewakili

63.3% daripada jumlah pembelian pada tahun 2003 berbanding dengan 37.2% pada tahun 2002. Sebaliknya, hutang sewa beli dan pemajakan menyumbang hanya sebanyak 36.7% daripada jumlah pembelian.

- (c) Dari segi penjual pula, bahagian jualan daripada bank perdagangan meningkat sebanyak 137.3% daripada RM2,839 juta pada tahun 2002 kepada RM6,738 juta pada tahun 2003. Oleh itu, bahagian jualan daripada bank perdagangan kepada Cagamas menyumbang sebanyak 60.6% berbanding dengan 25.9% pada tahun 2002. Bahagian jualan untuk pinjaman dan hutang daripada syarikat kewangan pula telah menurun dengan mendadak daripada 71.4% kepada 37.4% memandangkan syarikat kewangan telah pun melindung nilai kedudukan mereka dengan menjual sejumlah besar hutang sewa beli dan pemajakan (RM6,907 juta) pada tahun 2002.

JADUAL 2

Pinjaman Perumahan Konvensional dan Hutang Pembiayaan Rumah Secara Islam mengikut Agihan Geografi

| Negeri | Nilai Belian RM juta | % | Bilangan Pinjaman | % |
|-----------------|-------------------------|--------------|----------------------|--------------|
| Kuala Lumpur | 2,096 | 29.7 | 22,642 | 28.0 |
| Johor | 1,005 | 14.3 | 10,586 | 13.0 |
| Selangor | 1,500 | 21.3 | 14,959 | 18.5 |
| Pulau Pinang | 754 | 10.7 | 9,323 | 11.5 |
| Kedah | 266 | 3.8 | 3,950 | 4.9 |
| Negeri Sembilan | 130 | 1.8 | 1,939 | 2.4 |
| Perlis | 11 | 0.2 | 214 | 0.3 |
| Melaka | 133 | 1.9 | 1,726 | 2.1 |
| Sarawak | 328 | 4.7 | 3,074 | 3.8 |
| Perak | 338 | 4.8 | 5,271 | 6.5 |
| Sabah | 307 | 4.4 | 4,359 | 5.4 |
| Pahang | 117 | 1.7 | 2,143 | 2.7 |
| Kelantan | 15 | 0.2 | 214 | 0.3 |
| Terengganu | 27 | 0.4 | 375 | 0.5 |
| Labuan | 9 | 0.1 | 58 | 0.1 |
| Jumlah | 7,036 | 100.0 | 80,833 | 100.0 |

Pada tahun 2003, sebanyak 12 bank perdagangan telah menjual pinjaman perumahan mereka kepada Cagamas dan daripada jumlah tersebut, tujuh bank tempatan menyumbang sebanyak 66.4% daripada jumlah jualan keseluruhan.

- (d) Kerajaan Malaysia tidak menjual sebarang pinjaman perumahan kakitangan kepada Cagamas pada tahun 2003. Walau bagaimanapun, sebuah perbadanan telah menjual sebanyak RM120 juta hutang pembiayaan rumah kakitangan secara Islam pada tahun 2003.
- (e) Hanya sebuah bank perdagangan menjual sebanyak RM150 juta daripada pinjaman perumahannya pada kadar terapung. Oleh itu, pembelian pada kadar tetap menyumbang sebanyak 98.7% daripada jumlah pembelian untuk tahun 2003.

PEMBELIAN PINJAMAN PERUMAHAN DAN HUTANG PEMBIAYAAN RUMAH SECARA ISLAM MENGIKUT NEGERI

Jadual 2 menunjukkan pembelian pinjaman perumahan konvensional dan hutang pembiayaan rumah secara Islam yang dibeli oleh Syarikat ini pada tahun 2003 mengikut agihan geografi. Seperti tahun-tahun sebelumnya, hampir tiga perempat daripada jumlah bilangan dan nilai pinjaman perumahan konvensional dan hutang pembiayaan rumah secara Islam yang dibeli daripada institusi kewangan diterbitkan di Kuala Lumpur, Johor, Selangor dan Pulau Pinang.

BELIAN BALIK PINJAMAN DAN HUTANG

Di bawah syarat-syarat penjualan dengan rekursa, institusi penjual berjanji untuk membeli balik pinjaman dan hutang daripada Cagamas sekiranya pinjaman dan hutang tersebut ditebus oleh para

JADUAL 3 **Portfolio Pinjaman dan Hutang Belum Lunas**

| Jenis | Pada 31 Disember 2003 | | Pada 31 Disember 2002 | | % Perubahan |
|--------------------------------|--------------------------|-------------|--------------------------|-------------|---------------|
| | RM juta | % | RM juta | % | |
| Pinjaman Perumahan | 15,485 | 56.6 | 14,823 | 56.9 | 4.5 |
| – Konvensional | 15,140 | 55.4 | 14,579 | 56.0 | 3.8 |
| – Secara Islam | 345 | 1.2 | 244 | 0.9 | 41.4 |
| Hutang Sewa Beli dan Pemajakan | 11,799 | 43.2 | 10,972 | 42.2 | 7.5 |
| – Konvensional | 11,236 | 41.1 | 10,513 | 40.4 | 6.9 |
| – Secara Islam | 563 | 2.1 | 459 | 1.8 | 22.7 |
| Pinjaman Harta Perindustrian | 55 | 0.2 | 238 | 0.9 | - 76.9 |
| Jumlah | 27,339 | 100 | 26,033 | 100 | 5.0 |

peminjam atau didapati tidak lagi menepati syarat-syarat kelayakan untuk terus dijual kepada Cagamas. Institusi penjual juga dikehendaki membeli balik pinjaman dan hutang tersebut pada tarikh kajian semula harga sekiranya mereka tidak bersetuju dengan harga baru yang ditawarkan oleh Cagamas bagi penyambungan semula kontrak pembelian tersebut. Kecuali belian balik pada tarikh kajian semula, pinjaman yang dibeli balik mestilah digantikan dengan pinjaman dan hutang lain yang sama nilainya. Semua produk adalah tertakluk kepada penggantian wajib, kecuali pinjaman perumahan yang diberi pilihan penggantian. Pada tahun 2003, sejumlah RM6,562 juta pinjaman dan hutang telah dibeli balik oleh institusi kewangan dan perbadanan terpilih. Daripada jumlah ini, RM5,517 juta terdiri daripada pinjaman perumahan dan pinjaman harta perindustrian, manakala bakinya sebanyak RM1,045 juta merupakan hutang sewa beli dan pemajakan.

PORTFOLIO BELUM LUNAS

Jadual 3 menunjukkan komposisi pinjaman dan hutang belum lunas di dalam pegangan Syarikat ini pada 31 Disember 2003. Pada 31 Disember 2003, jumlah pinjaman dan hutang belum lunas di dalam pegangan Syarikat ini adalah sebanyak RM27,339 juta iaitu peningkatan sebanyak 5% daripada pegangan pinjaman dan hutang pada 31 Disember 2002. Peningkatan portfolio pinjaman dan hutang ini adalah disebabkan oleh pembelian baru tertinggi sebanyak RM11,112 juta berbanding dengan pembelian balik dan pembayaran balik yang lebih rendah berjumlah RM9,806 juta.

Sebahagian besar daripada portfolio pinjaman dan hutang belum lunas di dalam pegangan pada 31 Disember 2003 adalah merupakan pinjaman perumahan konvensional (RM15,140 juta atau 55.4%). Ini diikuti oleh hutang sewa beli dan pemajakan konvensional (RM11,236 juta atau 41.1%), hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam (RM908 juta atau 3.3%) dan pinjaman harta perindustrian (RM55 juta atau 0.2%).

KADAR CAGAMAS

Kadar Cagamas telah disemak sebanyak 24 kali pada tahun 2003 berbanding dengan 17 semakan pada tahun 2002. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17 semakan telah dibuat pada separuh kedua tahun 2003 ekoran dari pasaran bon yang mudah ubah.

Walau bagaimanapun, hanya terdapat 17 semakan ke atas Kadar Cagamas Utama 3 Tahun ukur rujuk, seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4, berbanding dengan 12 semakan pada tahun 2002. Jualan pinjaman dan hutang kepada Cagamas adalah lembap pada separuh pertama tahun 2003 disebabkan oleh lebihan mudah tunai yang berterusan di dalam sistem perbankan. Untuk menggalakkan penjualan, Syarikat ini telah menurunkan Kadar Cagamas Utama 3 Tahun secara berperingkat-peringkat sebanyak 15 mata asas daripada 3.30% setahun pada bulan Januari kepada tahap terendah di dalam sejarah iaitu 3.15% setahun pada bulan Jun 2003. Selaras dengan kenaikan kadar hasil bon, Kadar Cagamas Utama 3 Tahun telah dinaikkan sebanyak 145 mata asas dari tahap terendah iaitu 3.15% setahun pada bulan Jun 2003 kepada 4.60% setahun pada bulan November 2003. Pada bulan Disember 2003, Kadar Cagamas Utama 3 Tahun telah diturunkan sebanyak 10 mata asas kepada 4.50% setahun disebabkan oleh kadar hasil yang memuaskan yang diperolehi daripada tender bon Cagamas 3 tahun.

JADUAL 4
Kadar Tetap Cagamas 3 Tahun untuk Pembelian dengan Rekursa

| Tarikh Berkuat Kuasa | Kadar Utama % setahun | Kadar Biasa % setahun |
|-----------------------------|----------------------------------|----------------------------------|
| 3 Disember 2002 | 3.30 | 3.35 |
| 17 Januari 2003 | 3.30 | 3.35 |
| 6 Februari 2003 | 3.30 | 3.35 |
| 20 Februari 2003 | 3.30 | 3.35 |
| 19 Mac 2003 | 3.25 | 3.30 |
| 17 April 2003 | 3.20 | 3.25 |
| 3 Jun 2003 | 3.15 | 3.20 |
| 17 Jun 2003 | 3.15 | 3.20 |
| 21 Julai 2003 | 3.25 | 3.30 |
| 23 Julai 2003 | 3.40 | 3.45 |
| 30 Julai 2003 | 3.60 | 3.65 |
| 8 Ogos 2003 | 3.65 | 3.70 |
| 12 Ogos 2003 | 3.65 | 3.70 |
| 18 Ogos 2003 | 3.90 | 3.95 |
| 2 September 2003 | 3.95 | 4.00 |
| 8 September 2003 | 4.05 | 4.10 |
| 25 September 2003 | 3.95 | 4.00 |
| 2 Oktober 2003 | 3.85 | 3.90 |
| 9 Oktober 2003 | 3.90 | 3.95 |
| 16 Oktober 2003 | 3.90 | 3.95 |
| 21 Oktober 2003 | 4.00 | 4.05 |
| 6 November 2003 | 4.30 | 4.35 |
| 13 November 2003 | 4.60 | 4.65 |
| 21 November 2003 | 4.60 | 4.65 |
| 22 Disember 2003 | 4.50 | 4.55 |





Peranan kami dalam pembelian hutang sewa beli dan pemajakan daripada institusi kewangan telah menyumbang kepada peningkatan pemilikan kenderaan di kalangan pelbagai lapisan rakyat Malaysia.

Hala Tuju Masa Hadapan

– Pensekuritian dengan Cagamas

PENGENALAN

Pensekuritian bermula di Amerika Syarikat pada sekitar tahun 1970-an apabila Kerajaan memulakan rancangan pendanaan bagi gadai janji kediaman. Ini diikuti pula dengan pembiayaan persendirian untuk lain-lain gadai janji dan kad kredit. Semenjak awal tahun 1980-an, pensekuritian telah menjadi suatu alat pembiayaan sejagat. Sebagai salah satu bentuk pembiayaan yang berkembang dengan pantas, pensekuritian kini merupakan salah satu ciri penting dalam kebanyakan pasaran kewangan.

Di Malaysia, Cagamas Berhad memulakan perniagaannya pada bulan Oktober 1987 dengan membeli pinjaman dan hutang dan menerbitkan sekuriti hutang pada peringkat sekunder. Walau bagaimanapun, sekuriti berkenaan tidaklah benar-benar bersandarkan aliran tunai daripada pinjaman dan hutang. Proses tersebut telah diubah suai untuk mengikut keadaan pasaran tempatan pada waktu itu memandangkan institusi kewangan dan pasaran modal belum bersedia untuk pensekuritian.

Penerbitan Garis Panduan Sekuriti Bersandarkan Aset (ABS) pada bulan April 2001 oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Piawaian Berhemat untuk Urus Niaga Pensekuritian Bersandarkan Aset oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Mac 2003 menunjukkan bahawa institusi kewangan dan pasaran modal kini bersedia untuk menjalankan pensekuritian. semenjak bulan Ogos 2001, beberapa urus niaga ABS telah dijalankan di Malaysia. Berdasarkan pengalamannya dalam separa pensekuritian, Cagamas berada dalam kedudukan yang kukuh untuk menawarkan urus niaga pensekuritian kepada institusi kewangan pada kos keseluruhan yang rendah. Selain pinjaman perumahan, Cagamas juga bercadang untuk mensekuritikan kelas aset yang lain bagi memenuhi permintaan para pelanggannya.

PENSEKURITIAN

Pensekuritian adalah penukaran sekumpulan aset tak cair kepada sekuriti. Ianya merupakan proses menukar aliran masuk tunai yang sedia ada dan masa depan daripada seseorang atau sesuatu pihak kepada sekuriti boleh pasar. Secara dasarnya, ianya merupakan pinjaman ke atas aliran tunai masa depan. Aliran tunai ini serta lain-lain faedah ekonomi yang dijana oleh sekumpulan aset tersebut menjadi cagaran terhadap pinjaman yang dibuat.

Terdapat pelbagai bentuk sekuriti yang dihasilkan oleh pensekuritian, termasuklah sekuriti bersandarkan gadai janji (MBS), ABS dan kewajipan hutang bercagaran (CDO).

MBS adalah instrumen dengan aliran tunai daripada sekumpulan pinjaman gadai janji perumahan atau harta perdagangan.


ABS adalah sekuriti yang diterbitkan daripada sekumpulan aset kewangan selain daripada pinjaman gadai janji, contohnya pinjaman kenderaan, terimaan kad kredit dan terimaan perdagangan.

CDO adalah sekuriti pendapatan tetap berstruktur dengan aliran tunai yang dikaitkan dengan prestasi instrumen hutang. Cagaran yang menyokong CDO terdiri daripada satu atau pelbagai jenis hutang, termasuk pinjaman bank, bon berkadar hasil tinggi, hutang korporat dan hutang berdaulat dalam pasaran membangun, dan sekuriti subordinat dari urus niaga berstruktur. Terbitan dengan pinjaman bercagaran primer dikenali sebagai kewajipan pinjaman bercagaran manakala terbitan dengan cagaran bon dikenali sebagai kewajipan bon bercagaran.

PROSES PENSEKURITIAN CAGAMAS

Ringkasan proses pensekuritian adalah seperti di bawah:

CARTA 1
Pandangan Keseluruhan Proses Pensekuritian



Di dalam Carta 1, pemberi pinjaman memberikan pinjaman/hutang kepada para peminjam/pelanggan. Pemberi pinjaman seterusnya menjual aset tersebut kepada Cagamas dan menerima wang tunai daripada hasil jualan atau pun memegang sekuriti boleh niaga. Sebagai alat tujuan khas (SPV) untuk pensekuritian pinjaman perumahan, Cagamas boleh membeli sekumpulan aset daripada pemberi pinjaman dan mendapatkan dana daripada pasaran untuk membiayai pembelian tersebut dengan menerbitkan sekuriti boleh niaga kepada para pelabur. Para pelabur terdiri daripada institusi kewangan, syarikat pengurusan aset, perbadanan, kumpulan wang simpanan dan pencen, dan syarikat insurans. Pemberi pinjaman dikekalkan sebagai pentadbir/penyelenggara supaya para peminjam/pelanggan dapat terus berurusan dengan pihak yang sama. Penyelenggara juga turut menguruskan prestasi aset yang disekuritikan termasuk mengutip ansuran bulanan dan mengambil

tindakan undang-undang yang perlu untuk mendapatkan semula pinjaman yang tidak berbayar.

Perunding urus niaga memberikan pandangan mereka tentang kesemua aspek undang-undang urus niaga berkenaan. Ini termasuklah dalam menyediakan dokumen-dokumen berkaitan untuk memastikan penjualan sebenar aset telah dilaksanakan dan aset berkenaan diasingkan daripada yang lain. Ini adalah kritikal untuk memastikan aset berkenaan tidak tergugat sekiranya berlaku kemuflian.

Perunding cukai dan perakaunan memberikan pandangan mereka tentang isu-isu berperaturan, cukai dan perakaunan untuk mencapai kos struktur pensekuritian yang paling berkesan.

Agenzia penarafan mengumpul dan menganalisis maklumat kewangan, industri, pasaran dan

ekonomi, menaksir profil risiko kredit aset yang disekuritikan yang akan mempengaruhi keputusan berkaitan dengan penentuan harga sekuriti, dan memberi penarafan kepada sekuriti yang akan diterbitkan. Dari semasa ke semasa, agensi penarafan akan mengagihkan segala maklumat yang berkaitan kepada bakal pelabur dan pelabur yang sedia ada dalam pasaran primer dan sekunder. Agensi tersebut juga akan menjalankan semakan penarafan tahunan ke atas sekuriti yang diterbitkan.

Pihak ketiga, yang pada kebiasaannya merupakan sebuah bank pelaburan, akan dilantik sebagai pengatur untuk memberi nasihat kepada penjual tentang struktur urus niaga pensekuritian, menghubungi pihak lain yang terlibat dalam urus niaga tersebut, dan menyedia serta mengemukakan semua dokumen yang diperlukan untuk penerbitan sekuriti kepada pihak berkuasa untuk kelulusan. Pengatur juga bertanggungjawab ke atas penentuan harga dan pengagihan sekuriti kepada para pelabur. Ia mengatur terbitan bon dengan memasarkan cadangan terbitan dan menjemput para pelanggan yang berpotensi untuk melanggan sekuriti


berkenaan, dan memastikan keseluruhan urus niaga disempurnakan.

Akauntan pelapor menjalankan pematuhan audit terhadap kriteria kelayakan bagi kumpulan aset yang akan disekuritikan. Ia juga menaksir kemampuan sistem teknologi maklumat dalam menyokong penyelenggaraan dan pelaporan pinjaman yang akan dijual serta kecukupan pelan sokongan dan pemulihan malapetaka.

Perunding bebas mungkin diperlukan, sekiranya dicadangkan oleh agensi penarafan, untuk menjalankan analisis prestasi sejarah terhadap pinjaman yang akan dijual. Ini merangkumi stratifikasi portfolio dan analisis statik ke atas kumpulan aset tersebut.

Pemegang amanah dilantik untuk menjaga kepentingan para pelabur. Pemegang amanah ini yang bebas daripada pemberi pinjaman, mempunyai kuasa menyeluruh untuk menentukan urusan SPV. Ini termasuklah keupayaan untuk mendapatkan pemilikan aset dan menjualnya untuk membayar balik para pelabur.

CARTA 2 Langkah-langkah dalam Urus Niaga Pensekuritian



Peningkatan kredit mungkin diperlukan untuk mewujudkan sekuriti dengan penarafan tertinggi yang boleh diterima oleh para pelabur yang peka terhadap risiko. Peningkatan kredit boleh memperbaik mutu kredit aset yang disandarkan dengan meningkatkan kemampuan struktur berkenaan untuk menyerap kerugian cagaran. Untuk sesebuah urus niaga, peningkatan kredit tersebut boleh diadakan sama ada secara luaran ataupun dalaman.

LANGKAH-LANGKAH DALAM URUS NIAGA PENSEKURITIAN

Carta 2 di bawah menunjukkan gambaran keseluruhan tentang langkah-langkah yang terlibat dalam urus niaga pensekuritian.

Sekiranya sebuah bank berminat untuk mensekuritikan pinjaman perumahannya kepada Cagamas, tugas-tugas yang terlibat adalah seperti berikut:

- Cagamas menjalankan penilaian permulaan tentang kebolehlaksanaan usaha pensekuritian dan mengambil kira kemampuan pemberi pinjaman untuk memberi maklumat sejarah dan menyelenggara pinjaman yang akan disejuritikan.
- Cagamas mengenal pasti dan melantik pihak-pihak berkaitan yang terlibat dalam urus niaga tersebut, dengan kebenaran pemberi pinjaman.
- Pemberi pinjaman memilih pinjaman berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh Cagamas. Cagamas kemudiannya menjalankan analisis terhadap pinjaman yang akan disejuritikan oleh pemberi pinjaman. Pada peringkat ini, pemberi pinjaman mestilah

bersedia untuk memberi maklumat sejarah tentang pinjaman untuk pemodelan aliran tunai dan analisis prestasi.

- Proses penaksiran nilai dijalankan untuk memastikan kesemua dokumen pinjaman yang akan disejuritikan adalah sah dan mematuhi kriteria kelayakan. Penaksiran nilai ini merangkumi semakan umum terhadap kekuahan kewangan pemberi pinjaman, penaksiran sistem, dasar penajajaminan, tatacara perniagaan dan kemampuan untuk menyelenggara pinjaman.
- Cagamas, pengatur dan agensi penarafan akan mengendalikan pemodelan aliran tunai dan struktur urus niaga untuk menentukan peningkatan kredit dan kelas instrumen hutang yang akan diterbitkan mengikut keperluan para pelabur.
- Perunding undang-undang menyediakan dokumen yang berkaitan dan memberi nasihat undang-undang tentang sama ada pindahan aset kepada Cagamas menepati ciri-ciri penjualan sebenar. Penarafan akan diberikan oleh agensi penarafan terhadap sekuriti yang akan diterbitkan. Pengatur mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk kelulusan, menjemput pelabur yang berpotensi, dan memasarkan terbitan yang dicadangkan.

FAEDAH-FAEDAH PENSEKURITIAN

Kepada Pemberi Pinjaman

- Mengurangkan keperluan modal dan mudah tunai pemberi pinjaman (sekiranya ianya merupakan institusi kewangan) memandangkan

aset tersebut dikeluarkan daripada kunci kira-kira pemberi pinjaman untuk tujuan perakaunan. Pemberi pinjaman tidak perlu menyediakan peruntukan am atau peruntukan khusus untuk pinjaman yang telah disekuritikan. Di samping itu, ianya juga membolehkan pemberi pinjaman mendapatkan spread di sepanjang tempoh pensekuritian.

- Mendapatkan kos pinjaman berkesan yang rendah berbanding dengan pembiayaan konvensional melalui penjimatan dalam kos modal.
- Membolehkan pengurusan kunci kira-kira yang lebih baik kerana pensekuritian mengurangkan aset di dalam kunci kira-kira dan oleh itu, memperbaik nisbah utama seperti pulangan ke atas ekuiti dan pulangan ke atas aset, yang mungkin akan memperbaik penarafan kredit.
- Mengurangkan risiko rakan niaga dan risiko tumpuan sektor atau geografi dengan memindahkan risiko-risiko tersebut kepada para pelabur.
- Mengurangkan pergantungan terhadap pembiayaan bank dan pembiayaan hutang korporat kerana pensekuritian memberi suatu punca pembiayaan tambahan.
- Menukar aset tak cair pemberi pinjaman kepada dana cair yang boleh digunakan untuk perniagaan baru atau peluang pelaburan dan oleh itu menjana lebih banyak pendapatan dan menambah keuntungan.
- Mendapatkan fi penyelenggaraan dan oleh itu menaikkan pendapatan berdasarkan fi sekiranya pemberi pinjaman kekal sebagai penyelenggara.

- Mengkekalkan perhubungan dengan pelanggan sekiranya pemberi pinjaman kekal sebagai penyelenggara.

Kepada Pelabur

- Mendapatkan kadar hasil yang lebih baik berbanding dengan instrumen kewangan lain yang mempunyai penarafan dan tempoh matang yang serupa.
- Memberikan keselesaan kepada para pelabur tentang prestasi sekuriti. Ini adalah kerana agensi penarafan menjalankan semakan yang teliti dan pengawasan yang berterusan ke atas sekumpulan aset yang disekuritikan.
- Terdapatnya sekuriti yang mempunyai kualiti kredit yang tinggi disebabkan oleh kualiti aset yang disandarkan dan reputasi baik pihak yang terbabit dalam urus niaga tersebut.
- Struktur berekaan baru yang mungkin memberikan pulangan yang lebih tinggi kepada para pelabur yang toleran terhadap risiko yang lebih tinggi.
- Memberikan lebih pilihan untuk memadankan tujuan pelaburan dan selera terhadap risiko.

Sekuriti Hutang Cagamas

TERBITAN SEKURITI HUTANG CAGAMAS

Cagamas terus menjadi penerbit sekuriti hutang swasta yang aktif pada tahun 2003. Terdapat sebanyak RM25,628 juta bon Cagamas belum tebus pada akhir tahun 2003 dan ini merupakan 15.6% daripada sekuriti hutang swasta belum tebus dalam pasaran.

Syarikat ini mencatatkan 33 terbitan sekuriti hutang dengan nilai nominal sebanyak RM17,925 juta (termasuk sembilan pembukaan semula) sepanjang tahun 2003 berbanding dengan 37 terbitan berjumlah RM19,550 juta pada tahun 2002. Sebanyak 15 daripada jumlah terbitan tersebut yang melibatkan nilai muka berjumlah RM9,740 juta adalah dalam bentuk nota diskaun Cagamas jangka pendek dengan tempoh matang sehingga 12 bulan. Ini merupakan 54% daripada jumlah sekuriti hutang Cagamas yang diterbitkan pada tahun 2003. Bakinya pula terdiri daripada 15 terbitan bon berkadar tetap berjumlah RM7,865 juta dan tiga terbitan Sanadat Mudharabah Cagamas (SMC) bernilai RM320 juta, yang masing-masing mewakili 44% dan 2% daripada jumlah sekuriti hutang yang diterbitkan pada tahun berkenaan. Syarikat ini terpaksa membatalkan dua terbitan SMC pada tahun 2003 kerana kadar hasil yang dikehendaki oleh para pelabur adalah jauh lebih tinggi daripada kadar pulangan diperlukan yang dinyatakan oleh para penjual hutang secara Islam.

Kesemua terbitan sekuriti hutang Cagamas pada tahun 2003 telah ditawarkan melalui tender di kalangan Peniaga Utama. Peniaga Utama telah mengemukakan bida berjumlah RM35,182 juta yang mewakili kadar purata wajarnya lebih lanjut sebanyak 2.08 kali berbanding dengan jumlah sekuriti hutang Cagamas yang diterbitkan. Pada tahun 2003, Cagamas telah membuka semula sembilan bon berkadar tetap yang sedia ada berjumlah RM4,055 juta yang mempunyai baki tempoh matang di antara dua hingga lima tahun. Pembukaan semula tersebut telah membolehkan Syarikat ini membesarkan saiz terbitan yang sedia ada, seterusnya meningkatkan mudah tunai bagi sekuriti hutang Cagamas dalam pasaran sekunder.

PENEBUSAN SEKURITI HUTANG CAGAMAS

Sejumlah RM16,392 juta sekuriti hutang Cagamas yang matang telah ditebus pada tahun 2003 berbanding dengan jumlah penebusan sebanyak RM16,117 juta pada tahun 2002. Sekuriti hutang yang ditebus terdiri daripada RM5,152 juta bon berkadar tetap dan RM11,240 juta nota diskaun jangka pendek.

SEKURITI HUTANG CAGAMAS BELUM TEBUS

Pada akhir tahun 2003, nilai nominal sekuriti hutang Cagamas belum tebus berjumlah RM26,503 juta berbanding dengan RM24,970 juta pada akhir tahun 2002. Sebahagian besar (92.7%) daripada jumlah sekuriti hutang belum tebus adalah merupakan bon berkadar tetap berjumlah RM24,554 juta. Bakinya pula terdiri daripada nota diskaun jangka pendek berjumlah RM875 juta atau 3.3% dan SMC berjumlah RM1,074 juta atau 4%.

URUS NIAGA PASARAN

Jumlah dagangan pasaran sekunder sekuriti hutang Cagamas menurun sebanyak 2.8% daripada RM42.9 bilion pada tahun 2002 kepada RM41.7 bilion pada tahun 2003. Pada separuh pertama tahun 2003, jumlah sekuriti hutang Cagamas yang didagangkan di dalam pasaran sekunder menurun sebanyak 32.5% kepada RM16.6 bilion berbanding dengan RM24.6 bilion pada tempoh yang sama tahun 2002. Penurunan ini adalah disebabkan oleh dua terbitan awam Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) berjumlah RM9 bilion pada separuh pertama tahun 2003. Memandangkan pembelian pinjaman dan hutang yang lembap pada separuh pertama tahun 2003, Cagamas hanya menerbitkan RM5.8 bilion sekuriti hutang. Walau bagaimanapun, jumlah sekuriti hutang Cagamas yang didagangkan pada suku ketiga melonjak sebanyak 92% kepada RM15.5 bilion. Peningkatan dagangan sekuriti hutang Cagamas pada suku ketiga adalah disebabkan oleh jumlah terbitan sekuriti Cagamas yang lebih besar sebanyak RM8.3 bilion yang


memberi peluang kepada para pelabur untuk melabur dalam sekuriti Cagamas yang memberi kadar hasil yang lebih tinggi berbanding SKM. Selaras dengan penurunan keseluruhan di dalam dagangan pasaran sekunder pada suku keempat, jumlah sekuriti hutang Cagamas yang didagangkan turut menurun sebanyak 38.1% kepada RM9.6 bilion. Ini disebabkan oleh peralihan pelaburan oleh para pelabur daripada sekuriti pendapatan tetap ke pasaran ekuiti akibat daripada prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih positif.

Sekuriti hutang Cagamas adalah salah satu daripada instrumen hutang utama yang didagangkan dalam pasaran sekunder. Ini terdiri daripada SKM, Bil Perbendaharaan, Instrumen Simpanan Boleh Niaga, Penerimaan Jurubank dan Bil Bank Negara. Pada tahun 2003, sekuriti hutang Cagamas mewakili 9.6% daripada jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder berbanding dengan 9.7% pada tahun 2002.

KADAR HASIL BAGI SEKURITI HUTANG CAGAMAS

Kadar hasil bagi bon Cagamas 3 tahun adalah stabil pada separuh pertama tahun 2003. Walau bagaimanapun, kadar hasil melonjak pada separuh kedua tahun 2003 seperti yang ditunjukkan di dalam Carta 3. Pada separuh pertama tahun 2003, kadar hasil bagi bon Cagamas 3 tahun adalah sekitar 3.04%. Ini adalah disebabkan oleh tanggapan umum pasaran bahawa kadar faedah akan terus berada di tahap yang rendah memandangkan ancaman deflasi sangat dan risiko pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang lembap akibat Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) yang mengganggu kegiatan ekonomi. Walaupun lebih mudah tunai berterusan, kadar hasil bagi bon meningkat pada suku ketiga. Kadar hasil bagi bon Cagamas 3 tahun melonjak sebanyak 44 mata asas kepada 3.50% pada suku ketiga. Peningkatan mendadak tersebut adalah disebabkan oleh terbitan sekuriti Kerajaan yang lebih besar

CARTA 3
Perbezaan Kadar Hasil di antara Bon Cagamas dengan Sekuriti Kerajaan Malaysia 3 Tahun



JADUAL 5
Taburan Pemegang Sekuriti Hutang Cagamas

| Pemegang | 2003 | | 2002 | |
|-----------------------------------|---------------|--------------|---------------|--------------|
| | RM juta | % | RM juta | % |
| Institusi Perbankan | 15,648 | 59.0 | 12,697 | 50.8 |
| Syarikat Insurans | 2,442 | 9.2 | 2,172 | 8.7 |
| Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen | 7,700 | 29.1 | 8,902 | 35.7 |
| Pelabur-pelabur lain | 713 | 2.7 | 1,199 | 4.8 |
| Jumlah | 26,503 | 100.0 | 24,970 | 100.0 |

dari pada yang dijangkakan dan penjualan SKM yang berpunca dari pada pandangan pasaran bahawa kitaran kadar faedah telah mencapai tahap terendah selaras dengan prospek ekonomi yang lebih baik. Pada suku keempat, kadar hasil bagi bon Cagamas 3 tahun terus meningkat sebanyak 41 mata asas daripada 3.50% pada akhir suku ketiga kepada 3.91% pada akhir 2003. Disebabkan oleh prospek pertumbuhan ekonomi yang positif, terdapat peralihan pelaburan dari pada pasaran bon ke pasaran ekuiti. Ini menyumbang kepada kenaikan kadar hasil pada suku keempat.

Seperti yang ditunjukkan di dalam Carta 3, perbezaan kadar hasil di antara bon Cagamas dan SKM 3 tahun dalam pasaran sekunder pada sepanjang tahun 2003 adalah di antara empat hingga 28 mata asas. Walaupun perbezaan kadar hasil secara amnya adalah stabil di antara empat hingga enam mata asas pada suku pertama dan kedua, perbezaan tersebut meningkat kepada 28 mata asas pada suku ketiga disebabkan keadaan pasaran bon mudah ubah. Perbezaan di antara bon Cagamas dan SKM 3 tahun terus kekal di antara 22 hingga 25 mata asas pada sebahagian besar suku terakhir sebelum menurun kepada 15 mata asas pada 31 Disember 2003 disebabkan oleh kegiatan pemburuan sekuriti murah menjelang akhir tahun.

PEMEGANG SEKURITI HUTANG CAGAMAS

Pemegang sekuriti hutang Cagamas pada akhir Disember 2003 adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 5.

Pemegangan sekuriti hutang Cagamas oleh institusi perbankan telah meningkat dari pada 50.8% daripada jumlah keseluruhan pada akhir 2002 kepada 59% pada 31 Disember 2003. Sebaliknya, pemegangan sekuriti hutang Cagamas oleh institusi bukan perbankan telah menurun daripada 49.2% pada tahun 2002 kepada 41% pada tahun 2003. Peningkatan pemegangan sekuriti hutang Cagamas oleh institusi perbankan mencerminkan peningkatan permintaan untuk sekuriti aset cair yang berhasil tinggi. Dalam pada itu, pemegangan sekuriti hutang Cagamas oleh kumpulan wang simpanan dan pencen telah menurun daripada 35.7% kepada 29.1% disebabkan oleh penawaran yang tinggi bagi sekuriti Kerajaan yang memberikan mereka cara lain untuk pelaburan.

PROSPEK KESELURUHAN

Cagamas masih terus menerima permintaan yang tinggi untuk terbitannya dalam pasaran primer pada tahun 2003. Ini dapat dilihat daripada kadar purata wajaran lebih lanjut sebanyak 1.83 dan 2.38 kali masing-masing untuk nota dan bon Cagamas. Syarikat ini berupaya mengekalkan kedudukannya sebagai penerbit terbesar sekuriti hutang swasta seperti yang dapat dilihat melalui jumlah terbitan sebanyak RM17,925 juta pada tahun 2003.

Pada tahun 2004, Cagamas menjangka akan terus menjadi penerbit sekuriti hutang swasta yang aktif memandangkan kepada jumlah perniagaan konvensional dan Islam yang dijangka lebih tinggi berbanding dengan tahun 2003.





Dengan membantu
menjadikan pinjaman
perumahan lebih
berpatutan, kami berharap
lebih ramai rakyat
Malaysia dapat menikmati
kehidupan berkeluarga
yang selamat dalam
persekitaran rumah yang
selesa.

Penyata Urus Tadbir Korporat

Lembaga Pengarah Cagamas adalah komited dalam memastikan Syarikat ini mengamalkan piawai tertinggi bagi urus tadbir korporat supaya Syarikat ini melaksanakan urusannya dengan penuh integriti dan profesionalisme. Ianya bertujuan untuk melindung dan menambah nilai para pemegang syer dan prestasi kewangan Syarikat ini, serta menyumbang kepada pembangunan pasaran bon yang sihat.

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan bahawa Syarikat ini telah menerima pakai prinsip dan amalan terbaik bagi Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia (Kod) seperti yang dinyatakan di bawah.

1. LEMBAGA PENGARAH

1.1 Komposisi

Pada 31 Disember 2003, Lembaga Pengarah dianggotai oleh 14 Pengarah Bukan Eksekutif yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Ketua Eksekutif atau Pengarah institusi kewangan terpilih yang dicalonkan oleh Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia, Persatuan Bank-bank Saudagar dalam Malaysia (yang selepas ini dirujuk sebagai Persatuan) dan Lembaga Pengarah.

Berdasarkan penjelasan umum Kod ini, para pengarah Cagamas adalah dianggap bebas kerana kesemuanya bebas daripada pengurusan Syarikat ini dan tidak terbabit di dalam urusan harian Syarikat ini. Kesemua Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemegang syer utama Syarikat ini. Tiada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau perseorangan, yang menguasai perbincangan atau mempengaruhi keputusan Lembaga Pengarah. Para Pengarah memberikan pandangan yang objektif dan bebas untuk pertimbangan Lembaga Pengarah.

Keberkesanan Lembaga Pengarah dalam menerajui dan mengawal Syarikat ini adalah disebabkan oleh kepelbagaiannya serta keluasan pengalaman para Pengarah di dalam produk dan pasaran kewangan. Para Pengarah mempunyai pelbagai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perbankan, pasaran modal, perakaunan, ekonomi, teknologi maklumat dan pengurusan kewangan. Cagamas telah ditubuhkan untuk menggalakkan pasaran gadai janji sekunder, dan memperluas dan memperdalamkan lagi pasaran sekuriti hutang dalam negeri. Gabungan wakil-wakil dari BNM dan institusi kewangan memastikan bahawa Syarikat ini memainkan peranan yang berkesan dalam menggalakkan pasaran bon, dan pada masa yang sama merangsang Syarikat ini untuk terus membuat keuntungan bagi mendapatkan kepercayaan pasaran di kalangan para pelabur dan pemegang syernya.

Lembaga Pengarah telah menggariskan bidang rujukan untuk Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah juga telah meluluskan penugasan kuasa dan penetapan lingkungan skop dan tanggungjawab Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif. Pengerusi mengetuai perbincangan mengenai strategi keseluruhan, dasar dan pengendalian perniagaan Syarikat ini. Ketua Pegawai Eksekutif pula bertanggungjawab untuk melaksanakan strategi dan dasar berkenaan serta menjalankan urusan harian perniagaan Syarikat ini.

1.2 Tugas dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah menyelia pelaksanaan dan prestasi perniagaan Syarikat ini dengan menyemak dan meluluskan rancangan perniagaan strategik tahunan dan belanjawan tahunan Syarikat ini. Laporan terkini tentang operasi utama Syarikat ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan pada setiap mesyuarat.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa terdapat penyeliaan yang sewajarnya ke atas pengurusan risiko di dalam Syarikat ini. Sehubungan dengan itu, Lembaga Pengarah telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah untuk mengawasi pembangunan strategi pengurusan risiko, dasar, tatacara dan infrastruktur. Ianya bertujuan untuk menaksir, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan pendedahan kepada pelbagai risiko.

Lembaga Pengarah juga meluluskan pelantikan dan pengantian kakitangan pengurusan kanan dan menyemak prestasi serta ganjaran mereka berdasarkan saranan daripada Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah adalah komited kepada ketelusan dan berusaha untuk mengelak dari sebarang keadaan yang membabitkan sengketa kepentingan yang timbul daripada urus niaga yang mungkin menimbulkan persoalan atau keraguan terhadap keutuhan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah.

2. MESUARAT LEMBAGA PENGARAH

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak empat kali untuk membincangkan pelbagai perkara termasuk prestasi perniagaan Syarikat ini, profil risiko, rancangan perniagaan dan isu-isu strategik lain yang mempengaruhi perniagaan Syarikat ini. Butiran terperinci tentang kehadiran para Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun 2003 dinyatakan di muka surat 5 di dalam Laporan Tahunan ini.

Laporan terkini mengenai operasi, kewangan dan perkembangan korporat akan terlebih dahulu dihantar kepada para Pengarah untuk memberi mereka masa yang secukupnya untuk mengkaji perkara yang akan dibincangkan di dalam mesyuarat.

Kesemua Jawatankuasa Lembaga Pengarah juga berhak mendapatkan khidmat nasihat ahli profesional bebas yang akan ditanggung oleh Syarikat ini sekiranya perlu. Kesemua Pengarah boleh mendapatkan nasihat daripada pengurusan kanan dan khidmat Setiausaha Syarikat yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa tatacara Lembaga Pengarah diikuti dan kesemua peraturan yang berkaitan dipatuhi.

3. PELANTIKAN DAN PEMILIHAN SEMULA PENGARAH

Sebahagian besar daripada Pengarah dicalonkan sebagai ahli Lembaga Pengarah oleh BNM dan Persatuan. Pencalonan ini kemudiannya dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Lembaga Pengarah juga boleh mencalonkan sesiapa sahaja, yang pada kebiasaannya terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah institusi kewangan, sebagai ahli Lembaga Pengarah. Memandangkan pencalonan yang dibuat oleh BNM dan Persatuan adalah berasas dan tatacara yang sedia ada adalah mencukupi, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sebuah jawatankuasa pencalonan tidak perlu ditubuhkan untuk mencalonkan ahli Lembaga Pengarah.

Penilaian tahunan bagi para Pengarah tidak dilakukan oleh Cagamas kerana para Pengarah yang mewakili Persatuan tersebut adalah merupakan Ketua Eksekutif atau Pengarah institusi kewangan yang berada di bawah penyeliaan dan penilaian berkala oleh BNM.

Mengikut Tataurusan Persatuan Syarikat ini, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Pengarah akan bersara daripada jawatan mereka pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat dan mereka boleh menawarkan diri untuk pelantikan semula. Tataurusan berkenaan juga menyatakan bahawa para Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah pada sesuatu tahun adalah tertakluk kepada pelantikan oleh para pemegang syer pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang yang diadakan selepas pelantikan mereka.

4. LATIHAN PENGARAH

Sebahagian besar daripada para Pengarah adalah merupakan Pengarah syarikat tersenarai awam dan telah mengikuti program latihan bertaullah Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) seperti yang disyaratkan di bawah garis panduan BSKL berkaitan dengan latihan Pengarah. Walau bagaimanapun, para Pengarah juga akan sentiasa dimaklumkan tentang undang-undang dan peraturan baru yang berkaitan pada mesyuarat Lembaga Pengarah.

5. GANJARAN PENGARAH

Lembaga Pengarah, secara keseluruhannya, menentukan ganjaran untuk setiap Pengarah berdasarkan saranan daripada Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah. Ganjaran Pengarah adalah berdasarkan peranan mereka dalam Lembaga Pengarah. Pengerusi adalah berkecuali semasa perbincangan mengenai ganjaran Pengerusi diadakan.

Fi tahunan Pengarah, yang telah disemak dan diluluskan oleh para pemegang syer pada Mesyuarat Agung Tahunan yang lalu, adalah sebanyak RM7,000 setahun untuk setiap Pengarah dan RM10,000 setahun untuk Pengerusi. Para Pengarah juga dibayar elaun mesyuarat sebanyak RM500 untuk setiap mesyuarat yang dihadiri. Jumlah ganjaran yang

akan dibayar kepada para Pengarah adalah RM115,331. Ini merangkumi fi Pengarah sebanyak RM85,331 dan elaun mesyuarat sebanyak RM30,000.

6. JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Dalam melaksanakan tugas mereka, Lembaga Pengarah dibantu oleh empat Jawatankuasa Lembaga Pengarah, yang berfungsi mengikut bidang rujukan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini terdiri daripada Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah, dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak Lembaga Pengarah ke atas semua perkara sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah yang seterusnya diadakan. Jawatankuasa yang lain ditugaskan untuk mengkaji isu-isu tertentu dan diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk sama ada meluluskan cadangan pihak pengurusan atau membentangkan kepada Lembaga Pengarah saranan-saranan mereka kepada Lembaga Pengarah untuk diputuskan secara muktamad.

7. HUBUNGAN DENGAN PARA PELABUR DAN KOMUNIKASI DENGAN PARA PEMEGANG SYER

Lembaga Pengarah sedia maklum tentang kepentingan komunikasi yang berkesan dan tepat pada masanya dengan kesemua pemegang syer dan pelabur. Strategi, rancangan, maklumat kewangan dan produk-produk baru Syarikat ini dimaklumkan kepada para pemegang syer dan pelabur melalui surat-surat, Laporan Tahunan, kenyataan dan pengumuman akhbar, dan pemberi maklumat kewangan yang lain seperti Bloomberg dan Reuters. Mesyuarat Agung Tahunan masih merupakan forum utama untuk mengadakan dialog dengan para pemegang syer.

Pada Mesyuarat tersebut, Pengerusi melaporkan prestasi Syarikat ini dan memberi peluang kepada para pemegang syer untuk membuat sebarang pertanyaan dan mendapatkan penjelasan berkenaan perniagaan dan prestasi Syarikat ini.

Syarikat ini juga menerbitkan keputusan kewangan setengah tahun dan tahunan, dan menyebarkan siaran akhbar mengenai kegiatan penerbitan sekuriti hutangnya di dalam akhbar-akhbar utama dan perkhidmatan talian. Syarikat ini juga mengendalikan sebuah laman web beralamat www.cagamas.com.my yang menyediakan maklumat menyeluruh yang terkini mengenai produk, kadar Cagamas dan operasi Syarikat ini.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa Pengarah kanan bebas bukan eksekutif tidak perlu dilantik memandangkan kesemua pemegang syer Syarikat ini diwakili oleh Persatuan yang mencalonkan Pengarah ke Lembaga Pengarah dan oleh itu sebarang kemosyikilan oleh para pemegang syer boleh dimaklumkan melalui Persatuan masing-masing. Para pemegang syer Syarikat ini diwakili oleh dua orang Pengarah daripada BNM, lima orang Pengarah yang dicalonkan oleh Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, dua orang Pengarah yang dicalonkan oleh Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia, dua orang Pengarah yang dicalonkan oleh Persatuan Bank-bank Saudagar dalam Malaysia, dan tiga orang Pengarah daripada bank asing yang dicalonkan oleh Lembaga Pengarah.

8. KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

8.1 Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah berazam untuk membuat penaksiran yang seimbang terhadap kedudukan kewangan dan prospek Syarikat ini di dalam penyata kewangan tahunannya kepada para pemegang syer dan pelabur.

Mengikut Akta Syarikat, 1965, para Pengarah dikehendaki menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang memberi gambaran yang sebenar dan saksama mengenai kedudukan Syarikat ini. Selpas perbincangan dengan Juruaudit Luar, para Pengarah menentukan dan mengisyiharkan bahawa dalam menyediakan penyata kewangan berkenaan, Syarikat ini telah menggunakan dasar perakaunan yang sewajarnya yang diterima pakai dengan konsisten dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah, dan kesemua piawai perakaunan yang dianggap perlu diterima pakai telah dipatuhi.

8.2 Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Syarikat ini diterangkan pada muka surat 56 di dalam Laporan Tahunan ini.

8.3 Hubungan dengan Juruaudit

Laporan tentang peranan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah ke atas Juruaudit Dalaman dan Luar diterangkan pada muka surat 52 ke 55 di dalam Laporan Tahunan ini.

Syarikat ini telah mewujudkan hubungan yang telus dan profesional dengan Juruaudit Dalaman dan Luar Syarikat ini melalui Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Juruaudit Luar Syarikat ini telah menghadiri dua mesyuarat pada tahun ini untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 dan setengah tahun berakhir 30 Jun 2003.

Ganjaran Juruaudit dinyatakan pada muka surat 127 di dalam Laporan Tahunan ini.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

1. AHLI-AHLI

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (Jawatankuasa) terdiri daripada ahli-ahli berikut:

- Dato' Tan Teong Hean (Pengerusi)
- Dato' Wan Ismail Abdul Rahman
- Encik Zarir Jal Cama

Berdasarkan penerangan umum di dalam Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia, kesemua ahli Jawatankuasa ini adalah merupakan Pengarah bukan eksekutif bebas memandangkan mereka tidak terbabit di dalam urusan harian dan bebas daripada pengurusan Syarikat ini. Kesemua Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemegang syer utama Syarikat ini. Tiada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau perseorangan, yang menguasai perbincangan atau mempengaruhi Jawatankuasa ini dalam membuat sesuatu keputusan. Kesemua Pengarah berpeluang memberikan pandangan bebas mereka untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa ini.

2. BIDANG RUJUKAN

2.1 Bidang Kuasa

- (a) Jawatankuasa ini tidak dikenakan sebarang sekatan untuk mendapatkan sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktivitinya, dan bebas bertemu dengan Juruaudit Dalaman dan Luar dan pihak pengurusan Syarikat ini.
- (b) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang luar atau khidmat nasihat ahli profesional bebas dan sekiranya perlu, memastikan pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan menghadiri mesyuarat yang diadakan.
- (c) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti di dalam bidang kuasanya dan ahli-ahli Jawatankuasa

ini berhak mengarahkan semua kakitangan Syarikat ini untuk memberikan kerjasama sekiranya perlu.

2.2 Saiz dan Komposisi

- (a) Jawatankuasa ini hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah bukan eksekutif dan mestilah mempunyai tidak kurang daripada tiga orang ahli yang secara majoritinya merupakan Pengarah bebas.
- (b) Sekiranya jumlah ahli adalah kurang daripada tiga orang dalam apa jua keadaan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisi kekosongan jawatan tersebut dalam masa tiga bulan.
- (c) Ahli-ahli Jawatankuasa ini hendaklah melantik seorang Pengerusi, yang merupakan seorang Pengarah bebas, dari kalangan mereka.
- (d) Sekurang-kurangnya seorang dari ahli Jawatankuasa ini:
 - (i) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
 - (ii) jika beliau bukan merupakan ahli MIA, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja dan:
 - beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan di dalam Bahagian I dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
 - beliau mestilah merupakan ahli salah satu daripada persatuan akauntan yang dinyatakan di dalam Bahagian II dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967.
- (e) Kesemua ahli Jawatankuasa ini tidak dibenarkan mempunyai hubungan yang pada pendapat Lembaga Pengarah, akan mempengaruhi ahli tersebut dalam memberikan pendapat bebas ketika menjalankan fungsinya sebagai ahli Jawatankuasa ini.

2.3 Mesyuarat

- (a) Mesyuarat hendaklah diadakan sekali pada setiap suku tahun atau pada sebarang kekerapan yang akan ditentukan oleh Pengerusi. Jawatankuasa ini boleh menjemput sesiapa sahaja untuk hadir membantu membuat pertimbangan.
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Pengurus Kanan, Operasi Perniagaan dan Ketua Juruaudit Dalaman pada kebiasaannya akan menghadiri kesemua mesyuarat yang diadakan. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat dengan Juruaudit Luar sekurang-kurangnya sekali dalam setahun tanpa kehadiran pihak pengurusan.
- (c) Kuorum hendaklah terdiri daripada dua orang ahli.
- (d) Ketua Juruaudit Dalaman merupakan Setiausaha kepada Jawatankuasa ini.

2.4 Tugas dan Tanggungjawab

- (a) Menyemak penyata kewangan setengah tahun dan tahunan Syarikat ini sebelum ianya diserahkan kepada Lembaga Pengarah. Ini bertujuan untuk memastikan penyata kewangan tersebut mematuhi keperluan pendedahan dan penyelaras yang dicadangkan oleh Juruaudit Luar. Ini termasuk:
 - (i) Menyemak laporan juruaudit dan memastikan sebarang pembatasan (jika ada) dibincangkan dengan teliti dan diambil tindakan yang sewajarnya supaya tidak timbul sebarang keraguan dalam audit yang akan datang;
 - (ii) Perubahan ketara dan penyelaras di dalam pembentangan penyata kewangan;
 - (iii) Perubahan besar di dalam dasar dan prinsip perakaunan;
 - (iv) Pematuhan piawai perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain;
 - (v) Keadaan turun naik yang matan di dalam penyata baki;
 - (vi) Laporan kewangan interim dan pengumuman awal;
 - (vii) Perubahan ketara di dalam skop audit; dan
 - (viii) Komitmen ketara atau liabiliti luar jangka.
- (b) Menyemak skop dan keputusan tatacara Audit Dalaman, termasuk:
 - (i) Pematuhan piawai Audit Dalaman, kawalan dalaman Syarikat ini, dasar dan keperluan undang-undang yang lain;
 - (ii) Kecukupan dasar dan tatacara serta kawalan dalaman yang sedia ada;
 - (iii) Koordinasi di antara Juruaudit Dalaman dan Luar;
 - (iv) Pelaksanaan kebebasan dan profesionalisme dalam menjalankan tugas Audit Dalaman;
 - (v) Sekatan-sekatan yang dikenakan oleh pihak pengurusan terhadap Audit Dalaman;
 - (vi) Melaporkan segala keputusan;
 - (vii) Mengesyorkan perubahan di dalam dasar perakaunan kepada Lembaga Pengarah; dan
 - (viii) Sentiasa mengesyorkan dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan dan pembetulan yang sesuai.
 - (c) Bertanggungjawab ke atas penubuhan fungsi Audit Dalaman, termasuk:
 - (i) Meluluskan Piagam Audit Dalaman;
 - (ii) Meluluskan Pelan Audit Dalaman;
 - (iii) Menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalaman dengan merujuk kepada pihak pengurusan;
 - (iv) Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Ketua Juruaudit Dalaman;
 - (v) Pemberitahuan tentang peletakan jawatan kakitangan Audit Dalaman dan memberi

- (v) peluang kepada kakitangan berkenaan untuk mengemukakan alasan peletakan jawatan mereka;
- (vi) Menyemak kecukupan skop, fungsi dan sumber-sumber Jabatan Audit Dalaman;
- (vii) Memastikan fungsi Audit Dalaman mendapat kedudukan yang sewajarnya di dalam Syarikat ini;
- (viii) Pelarasian matlamat dan tujuan fungsi Audit Dalaman dengan matlamat keseluruhan Syarikat ini;
- (ix) Meletakkan Audit Dalaman di bawah penguasaan dan penyeliaan Jawatankuasa ini; dan
- (x) Menyemak kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai Syarikat ini kepada Juruaudit Dalaman.
- (d) Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang pelantikan Juruaudit Luar, fi audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan dan penyingkiran Juruaudit Luar.
- (e) Membincangkan perkara-perkara yang berbangkit dari audit pada tahun sebelumnya, menyemak dengan Juruaudit Luar skop pelan audit tahunan semasa mereka, penilaian mereka ke atas akaun dan sistem kawalan dalaman termasuk penemuan mereka serta tindakan susulan yang dicadangkan.
- (f) Menyemak perubahan di dalam keperluan berkanun dan sebarang permasalahan audit yang ketara yang dijangka timbul hasil daripada pengalaman pada tahun sebelumnya atau disebabkan oleh perkembangan baru.
- (g) Menilai dan menyemak peranan Juruaudit Dalaman dan Luar dari semasa ke semasa.
- (h) Menyemak sebarang urus niaga pihak berkaitan atau keadaan yang membabitkan sengketa kepentingan yang ketara yang mungkin timbul di dalam Syarikat ini.
- (i) Menyemak sebarang urus niaga yang ketara, yang bukan merupakan sebahagian daripada perniagaan biasa Syarikat ini.
- (j) Melaksanakan sebarang fungsi yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

3. MESUARAT

Jawatankuasa ini telah mengadakan empat mesyuarat pada sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 yang turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Juruaudit Dalaman. Beberapa pegawai kanan Syarikat ini juga dijemput hadir pada mesyuarat tertentu. Kehadiran ahli-ahli Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

| Ahli-ahli Jawatankuasa | Kehadiran |
|---|-----------|
| • <i>Dato' Tan Teong Hean</i> | 4/4 |
| • <i>Dato' Wan Ismail Abdul Rahman</i> (<i>dilantik pada 4.6.2003</i>) | 3/3 |
| • <i>Encik Zarir Jal Cama</i> (<i>dilantik pada 16.9.2003</i>) | 1/1 |
| • <i>Encik Mohamed Azmi Mahmood</i> (<i>bersara pada 4.6.2003</i>) | 0/1 |
| • <i>Encik Michael Andrew Hague</i> (<i>bersara pada 16.9.2003</i>) | 1/3 |

Juruaudit Luar Syarikat ini, telah menghadiri dua mesyuarat pada sepanjang tahun berkenaan untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 dan setengah tahun berakhir 30 Jun 2003. Di dalam mesyuarat tersebut, Jawatankuasa ini berpeluang berbincang dengan Juruaudit Luar tanpa kehadiran pihak pengurusan.

4. RINGKASAN AKTIVITI

Pada sepanjang tahun kewangan 2003, Jawatankuasa ini telah melaksanakan tugas-tugasannya seperti yang telah ditetapkan di dalam bidang rujukan. Aktiviti-aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- (a) Menyemak dan meluluskan Pelan Audit Dalaman untuk tahun 2004;
- (b) Menyemak keputusan tatacara Audit Dalaman, iaitu penemuan audit dan cadangan-cadangan yang diberikan oleh Juruaudit Dalaman serta ulasan pihak pengurusan terhadap penemuan audit dan cadangan-cadangan tersebut;
- (c) Memantau kemajuan Pelan Audit Dalaman dan pelaksanaan cadangan-cadangan audit untuk memastikan tindakan yang sewajarnya telah atau sedang diambil terhadap cadangan-cadangan tersebut;
- (d) Menyemak prestasi Ketua Juruaudit Dalaman;
- (e) Menyemak skop audit oleh Juruaudit Luar;
- (f) Mencadangkan pelantikan Juruaudit Luar dan fi audit mereka kepada Lembaga Pengarah;
- (g) Menyemak keputusan audit bagi setengah tahun dan akhir tahun oleh Juruaudit Luar dan membincangkan penemuan dan perkara-perkara lain yang perlu diberi perhatian; dan
- (h) Menyemak penyata kewangan yang diaudit bagi setengah tahun dan akhir tahun dan memastikan ianya mematuhi keperluan pendedahan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

5. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Syarikat ini mempunyai sebuah Jabatan Audit Dalaman yang mantap yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa ini dan membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan Syarikat ini mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan.

Jabatan Audit Dalaman melaksanakan fungsi-fungsi audit dalaman Syarikat ini menurut Piagam Audit Dalaman dan pelan Audit Dalaman tahunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa ini.

Pelan Audit Dalaman tersebut telah dibuat berdasarkan keputusan-keputusan yang diperolehi daripada proses penilaian risiko bersistem. Risiko-risiko Syarikat ini telah dikenal pasti, diberi keutamaan dan dihubung kaitkan dengan proses-proses utama dan lingkungan pengauditan.

Pada keseluruhannya, audit yang dilaksanakan pada sepanjang tahun kewangan ini menitik beratkan penyemakan bebas ke atas kecukupan sistem kawalan dalaman Syarikat ini bagi memastikan sistem tersebut terus beroperasi dengan berkesan. Laporan audit dalaman dibentangkan untuk pertimbangan pihak Jawatankuasa ini dan untuk makluman Lembaga Pengarah.

Penyata Kawalan Dalam

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan Syarikat ini mengekalkan satu sistem kawalan dalaman yang mantap dan berkesan serta mengkaji semula kecukupan dan keutuhan sistem tersebut. Sistem kawalan dalaman merangkumi, antara lainnya pengurusan risiko, kewangan, organisasi, operasi dan pematuhan kawalan. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah sedar bahawa sistem tersebut tidak mampu untuk menghapuskan risiko kegagalan dalam mencapai matlamat perniagaan, tetapi bertujuan untuk mengurus dan mengawal risiko kepada tahap yang munasabah. Oleh itu, ia hanya dapat memberi jaminan yang sewajarnya dan bukannya jaminan mutlak terhadap kenyataan salah atau kerugian yang matan.

Pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah menujuhkan sebuah lagi Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang dikenali sebagai Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Syarikat ini. Unit Pengurusan Risiko pula ditubuhkan untuk merangka, menyemak dan melaksanakan dasar, strategi dan tatacara pengurusan risiko yang mantap. Laporan terus dari Unit Pengurusan Risiko kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah membolehkan Unit berkenaan mengemukakan pandangan bebas tentang pendedahan Syarikat ini kepada pelbagai risiko. Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat ini mentakrifkan punca-punca risiko perniagaan yang utama dan menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa utama dalam menguruskan bidang-bidang risiko yang khusus. Ianya juga membentangkan pendekatan menyeluruh Syarikat ini dalam menguruskan risiko-risiko tersebut. Penerangan lanjut mengenai pengurusan risiko adalah seperti yang dibentangkan pada muka surat 57 ke 59 di dalam Laporan Tahunan ini.

Jabatan Audit Dalam memberi jaminan kepada para Pengarah dengan mengendalikan pemeriksaan bebas ke atas kecukupan, keberkesan dan keutuhan sistem kawalan dalaman Syarikat ini. Jabatan berkenaan mengamalkan pendekatan berdasarkan risiko, bersetujuan dengan pelan audit tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Hasil audit tersebut akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang bermesyuarat sebanyak empat kali dalam setahun. Pelan audit dan laporan audit juga diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk

memaklumkan Lembaga Pengarah mengenai sebarang kelemahan di dalam sistem kawalan dalaman Syarikat ini. Apabila sesuatu kelemahan dikenal pasti, tatacara baru telah atau akan diperkenalkan untuk memperkuuhkan kawalan. Pada sepanjang tahun kewangan ini, tiada satupun daripada kelemahan yang dikenal pasti telah mengakibatkan sebarang kerugian yang matan, luar jangkaan atau ketakpastian yang memerlukan pendedahan di dalam Laporan Tahunan Syarikat ini.

Lain-lain ciri utama sistem kawalan dalaman Syarikat ini adalah:

- Bidang tanggungjawab dan penugasan kuasa yang jelas untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan Syarikat ini;
- Dasar dalaman dan manual tatacara seperti manual Dasar Pengurusan Perbendaharaan dan manual Dasar Risiko Pasaran yang di dokumentkan dengan jelas. Kesemua manual ini dikaji semula sekurang-kurangnya sekali pada setiap enam bulan;
- Rancangan perniagaan tahunan dan belanjawan terperinci yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Syarikat ini juga mengawasi keputusan sebenar berbanding dengan belanjawan pada setiap bulan dan tindakan susulan akan dibuat sekiranya terdapat perbezaan yang ketara;
- Laporan berkala kepada Lembaga Pengarah. Laporan-laporan tentang kedudukan kewangan Syarikat ini, kedudukan pinjaman dan hutang yang dibeli, bon dan nota yang diterbitkan, serta urus niaga swap kadar faedah akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun. Lain-lain isu seperti perundangan, perakaunan dan hal-hal strategik juga akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah sekiranya perlu; dan
- Maklumat menyeluruh dan berkala yang merangkumi laporan-laporan kewangan dan operasi disediakan untuk pihak pengurusan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.

Pengurusan Risiko

Menyedari tentang pentingnya strategi pengurusan risiko dalam melindungi kepentingan para pemegang syer, Syarikat ini sedang mempertingkatkan amalan dan keupayaan pengurusan risikonya secara berperingkat-peringkat di samping memperbaik urus tadbir dan pelaporan maklumat risiko dengan mengukur rujuk kepada amalan yang terbaik.

Pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah meluluskan penubuhan sebuah Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang baru iaitu Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (Jawatankuasa). Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi dan kegiatan Syarikat ini.

Jawatankuasa ini dibantu oleh Unit Pengurusan Risiko yang diwujudkan pada bulan Disember 2001. Ianya bertujuan untuk menyelia dan melaporkan secara bebas pendedahan risiko Syarikat ini, dan menyelaraskan pengurusan risiko secara menyeluruh. Unit Pengurusan Risiko ini bebas daripada jabatan dan unit lain yang terlibat dalam kegiatan pengambilan risiko.

Pada bulan September 2002, Lembaga Pengarah telah memformalkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat (Rangka Kerja) yang membentangkan pendekatan menyeluruh Syarikat ini dalam menguruskan risiko. Ianya termasuk mengenal pasti risiko yang berkaitan, kaedah pengurusan risiko yang digunakan oleh Syarikat ini, serta tanggungjawab dan struktur laporan oleh pihak yang terlibat dalam pengurusan risiko. Semenjak itu, Rangka Kerja tersebut telah disemak untuk mengambil kira, antara lain, Piagam Unit Pengurusan Risiko yang menggariskan peranan, skop, kuasa dan kebebasan Unit berkenaan.

Tujuan utama Syarikat ini dalam pengurusan risiko adalah untuk mengurus serta mengaitkan risiko dengan ganjarannya secara berkesan. Ianya untuk memaksimumkan nilai para pemegang syer Syarikat ini di samping memastikan Syarikat ini dapat mengekalkan prestasinya.

Untuk mencapai tujuan utama tersebut, Syarikat ini merancang untuk membangun dan melaksanakan strategi pengurusan risiko secara menyeluruh. Strategi tersebut memerlukan Syarikat ini:

- menajarkan strategi perniagaan dengan dasar pengurusan risiko korporat;
- mewujudkan pelan penaksiran risiko dan audit berdasarkan risiko;
- membangunkan model risiko, sistem dan keupayaan pengurusan data untuk membantu pengurusan risiko secara konsisten;
- menanamkan budaya kesedaran risiko korporat; dan
- mempertingkatkan ketelusan risiko kepada pihak-pihak yang mempunyai pelbagai kepentingan di dalam Syarikat ini.

STRUKTUR ORGANISASI PENGURUSAN RISIKO

Selaras dengan amalan terbaik dan urus tadbir korporat yang baik, Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa terdapatnya pengawasan yang sewajarnya ke atas pengurusan risiko di dalam Syarikat ini. Lembaga Pengarah menetapkan selera terhadap risiko dan paras toleransi yang konsisten dengan keseluruhan objektif perniagaan dan profil risiko yang dikehendaki oleh Syarikat ini. Lembaga Pengarah juga sering menyemak dan meluluskan kesemua dasar pengurusan risiko dan pendedahan terhadap risiko yang ketara.

Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah untuk memastikan bahawa terdapatnya pengawasan dan pembangunan yang berkesan bagi strategi, dasar, tatacara dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Syarikat ini.

Pihak pengurusan kanan (Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi dan Pengurus Kanan, Operasi Perniagaan) bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan bahawa terdapatnya tatacara operasi, kawalan dalaman dan sistem yang mencukupi dan berkesan untuk menaksir, mengukur, mengawal, mengawasi dan melaporkan risiko.

Unit Pengurusan Risiko bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah untuk menggalakkan kebebasan dan memastikan pertimbangan yang sewajarnya diambil. Walau bagaimanapun, untuk tujuan pentadbiran, Unit Pengurusan Risiko bertanggungjawab kepada Ketua Pegawai Eksekutif.

RISIKO YANG DIHADAPI OLEH SYARIKATINI

Syarikat berhadapan dengan risiko-risiko berikut:

- Risiko pasaran;
- Risiko kecairan;
- Risiko kredit; dan
- Risiko operasi.

Risiko pasaran adalah risiko kerugian yang timbul daripada kedudukan di dalam dan di luar kunci kira-kira yang disebabkan oleh pergerakan bertentangan dalam tahap atau ketaktentuan kadar faedah atau harga pasaran. Ini merupakan risiko utama yang dihadapi oleh Syarikat ini dalam operasinya. Jenis-jenis risiko pasaran yang berkaitan dengan operasi Syarikat ini adalah risiko harga, risiko pendanaan tertangguh, risiko ketakpadanan pendanaan, risiko pelaburan semula, risiko asas, risiko penawaran berlebihan dan risiko keluk kadar hasil.

Untuk memudahkan pengawalan risiko-risiko tersebut, Syarikat ini mengawasi dengan teliti dagangan bon dalam pasaran sekunder dan jangkaan pasaran semasa terhadap kadar faedah dan kadar hasil bon. Keupayaan Syarikat ini untuk menerbitkan sekuriti hutang dalam masa yang paling singkat juga mengurangkan pendedahan Syarikat ini kepada risiko pendanaan tertangguh. Untuk memminimumkan kesan belian balik ke atas aliran tunai, Syarikat ini juga telah mewajibkan penggantian ke atas kesemua pinjaman dan hutang yang dibeli balik, kecuali pinjaman perumahan yang mempunyai pilihan penggantian.

Pada bulan Disember 2001, Lembaga Pengarah telah meluluskan Dasar Pengurusan Perbendaharaan sebagai sebuah rangka kerja untuk menangani pendedahan Syarikat ini kepada risiko perbendaharaan. Dasar Pengurusan Perbendaharaan berkenaan membentangkan, antara lain, struktur dan fungsi Jabatan Perbendaharaan, dasar berkenaan pengurusan kecairan, pendanaan dan pelaburan, pengurusan

risiko yang berkaitan dengan kegiatan perbendaharaan dan urus niaga yang dibenarkan, serta had-had untuk kegiatan perbendaharaan.

Selaras dengan rancangan Syarikat ini untuk mewujudkan pendekatan menyeluruh dalam menguruskan risiko dan setelah mengenal pasti risiko pasaran sebagai risiko utama yang dihadapi oleh Syarikat ini, Lembaga Pengarah telah meluluskan Dasar Risiko Pasaran pada bulan Ogos 2003. Dasar Risiko Pasaran tersebut menyatakan, antara lain, takrif dan jenis-jenis risiko pasaran, strategi dan dasar dalam menguruskan risiko pasaran, dan tugas serta tanggungjawab pihak yang terlibat dalam pengurusan risiko pasaran.

Syarikat ini telah melaksanakan Sistem Pengurusan Aset Liabiliti untuk memperkuatkannya pengurusan risiko pasaran Syarikat ini. Ini membolehkan Syarikat ini membuat simulasi dan menjalankan analisis jurang, margin, durasi dan kepekaan dengan menggunakan senario kadar dan binaan andaian ke atas jumlah portfolio Syarikat ini. Syarikat ini menggunakan analisis durasi dan kepekaan pendapatan faedah bersih teramal Syarikat ini untuk membuat keputusan dan mengurus pendedahan Syarikat ini kepada perubahan dalam kadar faedah.

Syarikat ini juga menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak hadapan kadar faedah dan swap kadar faedah untuk mengurus dan melindungi nilai pendedahannya kepada turun naik kadar faedah pasaran. Syarikat ini tidak menjalankan sebarang kegiatan perbendaharaan yang tidak berkaitan dengan aliran tunainya atau yang bersifat spekulatif semata-mata.

RISIKO KECAIRAN

Risiko kecairan timbul apabila Syarikat ini tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk menyelesaikan liabiliti apabila iaanya matang. Ini termasuk risiko kegagalan mendapatkan dana dipinjam apabila Syarikat ini memerlukannya atau dana tersebut tidak dapat diperolehi untuk tempoh yang dikehendaki atau pada kos yang berpatutan.

Syarikat ini mengurangkan risiko kecairannya dengan memadankan masa pembelian pinjaman dan hutang dengan penerbitan sekuriti hutang. Syarikat ini mengekalkan sumber dana belum guna

yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan ianya digunakan bagi menjelaskan hutangnya. Pengawasan teliti dan perancangan aliran tunai serta keupayaan Syarikat ini untuk menerbitkan nota-nota bagi pendanaan jangka pendek juga membantu mengurangkan risiko kecairan Syarikat ini.

RISIKO KREDIT

Risiko kredit merupakan potensi ketaktentuan pendapatan yang disebabkan oleh kegagalan para pelanggan atau rakan niaga Syarikat ini dalam memenuhi kewajipan kewangan mereka tepat pada masanya. Oleh itu, Cagamas mungkin terpaksa mengantikan urus niaga tersebut dengan rakan niaga yang lain atau membuat pinjaman daripada pasaran wang antara bank.

Risiko kredit juga timbul daripada pelaburan yang dibuat oleh Syarikat ini. Perubahan dalam tanggapan pasaran tentang keteguhan kewangan serta kualiti kredit penerbit mungkin akan mengakibatkan pergerakan harga bertentangan ke atas pelaburan tersebut. Syarikat ini mungkin menghadapi kerugian kewangan apabila pelaburan tersebut terpaksa dijual sebelum ianya matang.

Syarikat ini membeli pinjaman dan hutang dengan rekursa. Sebahagian besar daripada pembelian pinjaman dan hutang oleh Syarikat ini adalah daripada institusi kewangan yang berada di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia. Oleh itu, kebarangkalian kegagalan institusi penjual untuk membuat pembayaran adalah minimum. Pinjaman dan hutang Syarikat ini juga diaudit setiap tahun untuk memastikan bahawa pinjaman dan hutang yang dibeli memenuhi kualiti yang dikehendaki oleh Cagamas.

Syarikat ini mengurangkan risiko kredit melalui dasar kredit dan had yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Parameter yang digunakan dalam menetapkan had kredit disemak oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Had kredit untuk rakan niaga bagi pembelian pinjaman dan hutang, pelaburan dan urus niaga pasaran wang disemak dan diawasi dengan lebih kerap. Terdapat juga garis panduan serta had yang ketat untuk pelaburan yang dibenarkan dan pelaburan tersebut adalah terhad kepada sekuriti bermutu tinggi. Tujuan utama pelaburan ialah untuk menguruskan dana Syarikat

ini dengan mengoptimumkan pulangan ke atas pelaburan, di dalam kekangan keselamatan dan kecairan, untuk dipadankan dengan ukur rujuk yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Syarikat ini hanya akan menjual pelaburannya sebelum ianya matang dalam keadaan tertentu dan dalam tempoh masa yang munasabah seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Pengurusan Perbendaharaan Syarikat ini.

RISIKO OPERASI

Risiko operasi adalah potensi pendedahan kepada kerugian kewangan atau lain-lain kerugian yang disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses dalaman, tingkah laku manusia, sistem atau daripada peristiwa-peristiwa luaran. Ianya juga termasuk risiko sumber manusia, perundangan dan reputasi.

Syarikat ini mengurangkan risiko operasinya dengan mengadakan kawalan dalaman, sistem dan tatacara yang komprehensif yang disemak dengan kerap dan tertakluk kepada kekerapan audit oleh Juruaudit Dalaman. Syarikat ini juga menyediakan Pelan Kesinambungan Perniagaan yang komprehensif untuk meminimumkan kesan daripada potensi gangguan bencana dalaman dan luaran kepada operasi Syarikat ini. Pelan Kesinambungan Perniagaan berkenaan dikemaskinikan dengan kerap selaras dengan perubahan dalam proses perniagaan dan diuji untuk memastikan ianya masih berkaitan.

Syarikat ini sedang menuju ke arah sistem komputer bersepada. Sehubungan dengan ini, Syarikat ini berada dalam peringkat akhir pelaksanaan Sistem Pengurusan Perbendaharaan dan Sistem Pemprosesan Pinjaman bersepada untuk mempertingkatkan kecekapan, keupayaan pemprosesan dan pelaporan, dan untuk meminimumkan kebarangkalian berlakunya kesilapan yang disebabkan oleh proses manual. Sistem tersebut mempunyai binaan kawalan dalaman serta pengesahan yang akan membolehkan Syarikat ini mengekalkan dan mengawasi had, dan menerima amaran sekiranya berlaku sebarang pelanggaran had.